

SOALAN 1 : RUMUSAN DAN SOALAN 2 (a) – PETIKAN

PRAKTIS 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah pencegahan kes-kes kekejaman terhadap kanak-kanak dan manfaatnya. Panjangnya rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sekali lagi rakyat Malaysia dikejutkan dengan *kejadian menyayat hati* yang membabitkan pembunuhan kanak-kanak. Pembunuhan kejam ini meninggalkan kesan yang mendalam kerana negara kita baru saja diumumkan sebagai negara aman yang ke-19 di dunia. Paling sadis jenayah disabitkan oleh perlakuan individu yang bermasalah jiwa dan mental serta tidak boleh dikenal pasti kerana individu ini kelihatan normal dan hidup bebas dalam masyarakat. Berdasarkan kajian, kes jenayah kanak-kanak juga boleh berlaku di mana-mana sahaja dan tingkah laku pelakunya sukar dijangkakan kerana tidak semua kes mempunyai corak perlakuan jenayah yang sama. Kes ini juga boleh dikaitkan dengan individu pedofilia yang mengalami gangguan psikoseksual.

Walau bagaimanapun, ibu bapalah yang perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak. Kebanyakan kes jenayah yang terjadi disebabkan kealpaan ibu bapa yang membenarkan kanak-kanak ini bersendirian. Sebenarnya, ibu bapa kepada kanak-kanak yang berusia bawah tujuh tahun secara sengaja mendedahkan anak mereka kepada kemungkinan diculik atau dilarikan, boleh dikenakan hukuman mengikut seksyen 31, Akta Kanak-kanak 2001. Seksyen 33 pula menyatakan adalah menjadi kesalahan jika ibu bapa atau penjaga membiarkan anak mereka tanpa pengawasan orang dewasa atau meninggalkan anak untuk satu tempoh yang tidak munasabah atau membiarkan mereka dalam keadaan tidak munasabah.

Ibu bapa harus mengajar anak supaya mempunyai sifat curiga kepada orang yang tidak dikenali dan menghadkan sempadan kehadiran orang yang tidak 'diiktiraf' sebagai saudara mara atau sahabat keluarga. Kanak-kanak di bawah umur pula seharusnya sentiasa berada di bawah pengawasan keluarga. Kanak-kanak tidak seharusnya dibiarkan keluar bersendirian tanpa ditemani oleh ahli keluarga. Jangan sudah terhantuk, baru tengadah. Kesilapan sedetik ini akan menyebabkan penderitaan sepanjang hayat. Walaupun pesanan seperti ini sentiasa disampaikan, masih ada lagi ibu bapa yang beranggapan tiada salahnya membenarkan anak kecil berada di luar rumah kerana mereka sudah biasa dengan persekitaran kawasan tempat tinggal. Ibu bapa perlu mencari titik keseimbangan bagi memastikan masa berkualiti dapat diberikan kepada anak-anak. Ibu bapa juga perlu sedar bahawa anak-anak juga berhak untuk bersama-sama mereka. Jangan mengawasi anak-anak hanya secara bermusim. Sebagai contoh, ketika berlaku kes kehilangan kanak-kanak seperti Nurin Jazlin Jazmin dan Dirang barulah ibu bapa sibuk memastikan keselamatan anak mereka terjamin. Selepas seketika, ingatan terhadap kejadian kanak-kanak hilang, dibunuh dan dibakar semakin terhakis. Ibu bapa kembali bersikap sambalewa.

Harus menjadi ingatan, kejadian jenayah akan berlaku apabila wujud peluang yang luas untuk penjenayah bertindak. Penjenayah tidak seharusnya diberikan ruang dan peluang seperti ini. Peranan ibu bapa sangat penting dalam memastikan persekitaran anak sentiasa selamat. Ibu bapa merupakan benteng pertama dalam memastikan kehidupan anak terjamin. Semoga kisah arwah Nurul Nadirah Abdullah menjadi pengajaran yang berguna kepada semua pihak.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana *Jangan ambil mudah keselamatan anak di luar rumah* oleh Anuar Patho Rohman, Berita Harian Isnin 9 April 2012)

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kejadian menyayat hati*.
[2 markah]
- (ii) Mengapakah pelaku jenayah terhadap kanak-kanak sukar dikenal pasti?
[3 markah]
- (iii) Berikan pendapat anda tentang peranan masyarakat dalam memerangi kes-kes kekejaman terhadap kanak-kanak.
[4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kelebihan makan bersama-sama dengan keluarga dan halangan untuk mengamalkannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Budaya makan bersama-sama dengan keluarga kini semakin kurang diamalkan. Meluangkan masa makan bersama-sama dengan keluarga sekurang-kurangnya sekali sehari memberikan kesan besar kepada *kesejahteraan minda* dan emosi anak-anak. Malangnya, anak-anak zaman sekarang makan tanpa mengikut waktu makan yang sepatutnya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa amat sukar untuk mencari masa makan bersama, terutamanya pada waktu siang namun kita boleh berkumpul sekeluarga pada waktu makan malam.

Ketika makan bersama, ibu bapa dapat menunjukkan tabiat pemakanan yang baik supaya boleh menjadi teladan atau ikutan anak-anak. Hal ini termasuklah makan sayur, buah-buahan dan banyak minum air kosong. Kalau diperhatikan, adab ketika di meja makan kini semakin hilang, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Anak-anak lebih gemar menikmati makanan ketika menonton televisyen. Jika menjamu selera di meja makan, ada anak-anak yang tergesa-gesa menghabiskan makanan kerana mahu menonton rancangan kegemaran ataupun bermain permainan komputer. Ketika inilah ibu bapa boleh menetapkan disiplin atau adab di meja makan. Adab-adab berkenaan, termasuklah mengajar anak-anak menyediakan hidangan, membasuh pinggan mangkuk, makan secara beradab, serta melatih mereka mengemas meja selepas makan.

Waktu makan ialah masa yang berkualiti, tenang dan menyeronokkan. Ketika makan, ibu bapa boleh berinteraksi dengan anak-anak. Antara topik yang boleh dibincangkan ialah peristiwa menarik di sekolah, perkara yang menggembirakan atau menyedihkan anak-anak atau rakan-rakan rapat mereka. Secara tidak langsung, ibu bapa juga dapat mengesan pergerakan harian anak-anak, terutamanya yang sudah masuk usia remaja. Kajian juga menunjukkan lebih kerap keluarga makan bersama, lebih rendahlah kemungkinan anak-anak untuk terbabit dalam gejala sosial seperti merokok, mengambil minuman keras, penyalahgunaan dadah, dan pergaulan bebas.

Ada kalanya anak-anak mempunyai pandangan negatif terhadap ibu bapa. Oleh yang demikian, ibu bapa boleh menjadikan masa makan sebagai masa yang terbaik untuk memuji anak-anak. Mereka boleh berterima kasih kepada perlakuan baik atau kerajinan mereka dalam membantu keluarga dan belajar. Perbincangan ketika masa makan juga dapat melatih anak-anak berfikir dan bertutur kerana perbualan panjang antara ibu bapa dengan anak-anak pasti berlaku. Tamsilnya, anak-anak dapat belajar perkataan baharu yang diperolehi ketika perbualan di meja makan. Selain itu, keakraban hubungan antara anggota keluarga akan terjalin. Keakraban hubungan ini memberikan kesan besar kepada kehidupan anak-anak dan akan mempengaruhi tabiat makan mereka. Tegasnya, makan bersama-sama dengan keluarga perlu menjadi amalan dalam masyarakat kita. Amalan ini mampu membentuk adab sopan anak-anak demi menjadikan mereka anggota masyarakat yang berhemah.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Amalan Makan Bersama', Harian Metro, 21 Mac 2012)

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kesejahteraan minda*.
[2 markah]
- (ii) Apakah tabiat buruk yang diamalkan oleh anak-anak ketika makan?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan amalan makan bersama-sama dengan keluarga?
[4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha memupuk perpaduan dan kepentingannya**. Panjangnya rumusan **hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan masyarakat yang berbilang etnik dan keturunan. Semua bangsa dapat bekerjasama secara kolektif dan mengamalkan *prinsip-prinsip jitu* untuk perpaduan. Namun hakikatnya tahap perpaduan kita sampai di mana? Peristiwa 13 Mei memaparkan masalah perpaduan yang telah lama berakar umbi. Dalam usaha membendung masalah ini kerajaan menyedari bahawa negara memerlukan satu ideologi untuk terus bersatu.

Rukun Negara menjadi platform membimbing masyarakat ke arah perpaduan kerana tanpa perpaduan di manakah letaknya nilai jati diri kita? Bukan setakat itu sahaja, masyarakat Malaysia hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan yang perlu disemai sejak kecil kerana amalan ini membuktikan sebarang usaha mewujudkan perpaduan kaum akan menghasilkan natijah yang berkesan. Hal ini juga menunjukkan sikap keterbukaan menjadi kunci kejayaan pergaulan dan perpaduan. Di sini, masyarakat pelbagai kaum boleh mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi. Ibu bapa juga memainkan peranan besar dalam membentuk sikap yang mulia ini kepada anak-anak mereka. Lagipun ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Hal ini kerana segala yang ada pada ibu bapa sebenarnya akan diwariskan kepada generasi akan datang. Oleh itu ibu bapa perlu memahami tanggungjawab mendidik anak-anak tidak terhad kepada amalan sikap keterbukaan tetapi juga kepada soal adab, asuhan keagamaan dan pembentukan jati diri. Anak-anak juga perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni yang universal.

Kerajaan telah memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menyatukan generasi muda melalui pendidikan dan bahasa kebangsaan. Dasar Integrasi Nasional juga telah dilancarkan sebagai satu proses dinamik untuk merapatkan masyarakat negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Melalui Dasar Ekonomi Baru pula, satu lagi usaha untuk mewujudkan kerjasama agar kekayaan negara dibahagikan sama rata antara kaum. Terkini, Program Latihan Khidmat Negara yang menyediakan pelbagai aktiviti yang mampu merapatkan hubungan dan menjalin perpaduan serta menambah kemesraan antara kaum.

Sikap rakyat yang sombong dan enggan bergaul terutamanya di bandar-bandar besar serta tidak prihatin terhadap isu-isu perpaduan dan menganggap isu perpaduan tidak mendatangkan sebarang faedah, akhirnya menjadikan kita semakin jauh. Selain itu, sikap tidak jujur atau tidak adil terhadap orang lain juga menimbulkan rasa tidak puas hati dan dendam yang berpanjangan. Di samping itu, sebilangan rakyat pula tidak memberi kerjasama malah membantah segala program yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Jadi kerjasama semua lapisan masyarakat amat diperlukan. Jika rakyat tidak boleh bersikap terbuka, dan sentiasa berprasangka, pasti semua yang kita banggakan terhadap diri kita sendiri sebagai satu bangsa yang bersatu padu akan musnah akhirnya. Oleh itu, demi tanah tumpah darah, kita patut dan rela berkorban bukan untuk kita semua tetapi sebagai contoh kepada generasi akan datang.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Perpaduan: Di manakah Penghujungnya*, oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Sabri Mstar Online, Februari, 2012)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *prinsip-prinsip jitu* [2 markah]
- (ii) Beberapa masalah dikenal pasti melambatkan pencapaian perpaduan dalam kalangan masyarakat. Nyatakan masalah-masalah tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah untuk membentuk perpaduan kaum dalam kalangan pelajar? Nyatakan **tiga** langkah. [4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca obesiti dalam kalangan murid dan langkah-langkah mengawalinya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) menjangkakan sebanyak 30 peratus rakyat akan mengalami obesiti pada tahun ini. Ketua Pegawai LPKM, Dr. Yahya Saba menyatakan bahawa angka itu menunjukkan *peningkatan yang ketara* berbanding tahun-tahun sebelum ini, dan jika tahap kesedaran mengenainya tidak diberi perhatian secara serius, peratusannya mungkin bertambah. Statistik menunjukkan obesiti dalam kalangan orang dewasa negara ini meningkat mendadak dalam tempoh 10 tahun dari 1996 hingga 2006 dan senario ini membimbangkan pelbagai pihak.

Masalah obesiti dalam kalangan murid sekolah tidak seharusnya dikaitkan dengan pengambilan nasi lemak di kantin sekolah semata-mata. Obesiti disebabkan oleh pelbagai punca dan amat tidak wajar menuding jari kepada satu-satu jenis makanan yang menyumbang kepada masalah tersebut. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi, pengambilan makanan segera seperti piza, burger dan sebagainya di luar sesi persekolahan dan di rumah turut menjadi punca kegemukan. Selain makanan segera, ada juga kalangan murid yang membeli makanan ringan di luar pagar sekolah yang sememangnya tidak membawa sebarang khasiat. Secara umum, obesiti membabitkan pengambilan makanan berlebihan dan kurang melakukan aktiviti fizikal. Aspek pemakanan kanak-kanak perlu diberi perhatian sejak mereka dalam kandungan lagi. Kajian mendapati pertambahan berat badan ketika ibu mengandung juga merupakan satu daripada faktor penyebab obesiti kanak-kanak.

Perkembangan teknologi pada masa ini turut mempengaruhi kecenderungan kanak-kanak mengisi masa yang ada. Hal ini menyebabkan mereka lebih gemar melakukan aktiviti di dalam rumah yang menghadkan pergerakan mereka seperti menonton televisyen dan bermain komputer selain permainan elektronik. Perubahan persekitaran sosial termasuk kesibukan ibu bapa bekerja yang tidak memantau pemakanan anak-anak menyebabkan anak-anak mengalami masalah obesiti dan kesihatan. Kita juga harus melihat perspektif yang lebih luas termasuk industri makanan yang menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran pemasaran dengan menampilkan label makanan yang menarik di samping menawarkan pelbagai hadiah iringan. Pengaruh iklan terhadap kanak-kanak sudah banyak dikaji dan banyak negara telah mengharamkan kempen atau pengiklanan makanan yang kurang berkhasiat.

Selain pemakanan, obesiti turut dikaitkan dengan faktor genetik. Buktinya, ada individu yang mengadu bahawa mereka mengalami masalah kegemukan walaupun mengawal tabiat pemakanan. Secara tuntas, satu pendekatan yang menyeluruh perlulah diambil untuk menangani masalah tersebut. Kita khuatir jika langkah segera tidak diambil, generasi akan datang berdepan dengan pelbagai masalah kesihatan.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Obesiti Murid, Perlu Pemantauan Serius' oleh Hj. Samat Buang, *Fokus SPM*, Jun 2011)

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkaian kata *peningkatan yang ketara*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan bukti yang menunjukkan masalah obesiti membimbangkan pelbagai pihak.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan obesiti terhadap murid-murid?
[4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **sebab-sebab berlakunya pencemaran air dan usaha-usaha untuk mengatasi masalah pencemaran air**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Air merupakan sumber semulajadi yang sangat penting bagi kehidupan di muka bumi ini. Bumi diliputi oleh 71 peratus air dengan isi padu air dianggarkan lebih kurang 1.386 bilion km padu. Sebahagian besar air diperlukan dalam kehidupan seharian kita. Oleh sebab manusia merupakan pengguna utama sumber semula jadi ini, maka tidak hairanlah kita juga ialah penyumbang yang terbesar kepada masalah pencemaran air.

Pencemaran air yang paling besar berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan yang tidak sempurna. Pencemaran air menerusi sisa kumbahan ini bertambah buruk di kawasan yang tidak mempunyai sistem pembetungan yang sempurna, terutamanya di kawasan luar bandar yang pengaliran sisa kumbahan disalurkan terus ke dalam sungai. Aktiviti pertanian sama ada yang berskala kecil mahupun berskala besar turut menjadi faktor pencemaran air. Pembukaan dan penerokaan tanah yang tidak terkawal telah menyebabkan hakisan tanah seterusnya mencemarkan air sungai kesan daripada bahan terampai dan keladak yang dibawa ke dalam sungai. Penggunaan racun serangga dan baja kimia dalam bidang pertanian turut mencemarkan air. Keadaan ini pastinya memberikan kesan kepada kehidupan akuatik dan keindahan alam semula jadi.

Aktiviti penternakan juga menjadi masalah besar kepada pencemaran air. Aktiviti penternakan seperti penternakan ayam, lembu, kambing, dan babi direkodkan sebagai penyebab utama pencemaran air akibat najis dan sisa kotoran yang dihasilkan. Sikap ambil mudah masyarakat yang membuang sampah terus ke dalam longkang dan sungai memburukkan lagi keadaan. Isu seperti air yang berbau busuk dan tidak menyenangkan yang pernah berlaku di Selangor dan Putrajaya ialah contoh paling jelas kesan pencemaran air akibat aktiviti pembuangan sampah yang tidak terurus. Pengaliran dan pembuangan sisa perindustrian secara tidak selamat juga semakin serius dan menyumbang kepada pencemaran air. Air sungai yang tercemar akan memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia akibat sisa buangan industri yang mengandungi bahan keluli, bakteria, bahan-bahan organik, dan bukan organik yang tidak dirawat dengan betul.

Kegiatan ekonomi manusia yang mementingkan keuntungan semata-mata seperti pembalakan, penerokaan, dan tebus guna tanah juga menyebabkan air terus tercemar. Menurut Jabatan Alam Sekitar (JAS), aktiviti pembukaan tanah menjadi punca utama pencemaran 31 lembangan sungai di seluruh negara. Air buangan daripada kegiatan perniagaan dan industri dipercayai menyumbang kepada penurunan kualiti air sungai. Di bandar-bandar besar, kebanyakan restoran, gerai, dan warung makanan berlesen dipercayai mengalirkan air buangannya terus ke dalam longkang, yang akhirnya mengalir ke sungai.

Masalah pencemaran air di negara kita pada hakikatnya *semakin serius* walaupun masih terkawal. Oleh itu, bersama-samalah kita menjaga kesejahteraan alam sekitar terutamanya air.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Air: Bersyukurkah kita?' oleh Roslan Lateh, *Dewan Siswa*, April 2010)

Soalan 2 (a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *semakin serius*.
[2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang akan timbul akibat pencemaran air. Nyatakan kesan-kesan tersebut.
[3 markah]
- (iii) Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mengawal pencemaran air daripada terus berlaku, namun pencemaran air menjadi semakin tidak terkawal. Pada pendapat anda, apakah **dua** kekangan yang menyebabkan usaha-usaha yang dilakukan agak kurang berkesan?
[4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah keselamatan penggunaan perbankan elektronik dan faedah-faedah penggunaan perbankan elektronik. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kini urusan perbankan hanya di hujung jari. Cara penggunaannya cukup mudah; pengguna hanya perlu menatap skrin komputer, melayari laman sesawang perbankan yang dipilih, menaip kata laluan atau nombor pin kemudian memilih urusan transaksi yang diperlukan, dan dalam beberapa minit urusan tersebut dapat diselesaikan. Aplikasi perbankan elektronik mula dibangunkan di Malaysia setelah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia pada 1 Jun 2000 dan Maybank merupakan institusi kewangan pertama menjalankan perkhidmatan perbankan dalam talian dengan portal perbankannya www.maybank2u.com.my.

Faktor keselamatan dan privasi merupakan dua perkara paling dominan yang mempengaruhi keputusan pengguna untuk menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik. Aspek keselamatan dalam penggunaan aplikasi ini sebenarnya terletak di tangan pengguna sendiri dengan memastikan kata laluan ke akaun pengguna sukar diteka oleh orang lain. Oleh itu, pengguna wajar mengelakkan penggunaan nombor telefon, tarikh lahir ataupun maklumat yang sudah biasa digunakan sebagai kata laluan. Pengguna juga perlu kerap menukar kata laluan agar penceroboh di internet gagal mencuri kata laluan. Setelah segala urusan ditamatkan, pengguna juga disarankan supaya memadamkan semua data berkenaan aktiviti internet mengikut cara yang dipaparkan oleh pengendali perbankan elektronik. Sekiranya data ini tidak dipadamkan, data akan berada dalam memori komputer dan boleh dikesan oleh penggodam internet.

Pengguna sering diingatkan supaya tidak melayani e-mel yang meminta mereka menukar nombor pin atau kata laluan perbankan. Banyak kes dilaporkan bahawa pengguna kehilangan wang dalam sekelip mata setelah terpedaya dengan e-mel yang kononnya dihantar oleh pihak bank meminta mereka mengemas kini maklumat pelanggan. *Hyperlink* pada e-mel atau paparan oleh apa-apa jua laman sesawang, berkemungkinan besar telah dihubungkan kepada portal rekaan para penggodam internet justeru pengguna dinasihati agar tidak melayari atau mengakses laman sesawang perbankan elektronik dengan jalan pintas. Pelanggan yang bijak juga tidak akan sewenang-wenangnya memberikan kata laluan perbankan elektronik kepada sesiapa sahaja. Bagi mengelakkan sebarang masalah teknikal atau kesilapan, pengguna perlu memastikan resit transaksi disimpan untuk rujukan.

Sekiranya perlu mencatat kata laluan atau nombor pin kerana bimbang terlupa, pengguna mencatatkannya di tempat yang selamat. Terdapat juga pengguna yang tertipu dengan penghantar sistem pesanan ringkas (SMS) yang mengaku ahli keluarga terdekat, lalu mendedahkan maklumat perbankan mereka. Oleh itu, jangan mudah percaya dengan SMS yang meminta kita menghantar maklumat rahsia. Pengguna harus menyiasat terlebih dahulu kesahihan SMS tersebut.

Walaupun perbankan elektronik berisiko, inisiatif pengguna penting untuk mendapatkan maklumat terkini agar penggodam tidak berjaya menembusi tembok keselamatan yang dibina. Pihak bank pula seharusnya sentiasa menaik taraf sistem keselamatan mereka memandangkan pelbagai teknologi dan kaedah penipuan *dicipta untuk menerobos* sistem keselamatan aplikasi di internet.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Urusan Perbankan di Hujung Jari' oleh Siti Zakiah Melatu Samsi, *Dewan Masyarakat*, April 2011)

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *dicipta untuk menerobos*?
[2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa cara menggunakan khidmat perbankan elektronik. Nyatakan cara-cara tersebut.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah khidmat perbankan elektronik kurang mendapat sambutan daripada pengguna? Jelaskan dua sebab.
[4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kesan-kesan penggunaan Internet dan tanggungjawab ibu bapa untuk mengatasinya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Perkembangan pesat dalam bidang telekomunikasi dan maklumat memudahkan capaian kepada aplikasi Internet malah sesiapa sahaja boleh melayarinya. Sebenarnya, kebanyakan ibu bapa bimbang akan fenomena remaja yang melayari Internet kerana hal ini akan mendatangkan pelbagai kesan negatif. Tidak dinafikan bahawa golongan remaja kerap berada di kafe siber, begitu terangsang melayari Internet kerana tarikan Internet lebih menyeronokkan berbanding dengan gajet-gajet yang lain. Keresahan dan kebimbangan ini dapat dirasakan oleh kebanyakan ibu bapa apabila remaja terpengaruh oleh budaya hedonisme dan akhirnya melalaikan kepentingan pelajaran. Faktor ini didorong oleh sesetengah ibu bapa yang buta Internet dan tidak mengetahui kebaikan dan keburukannya terus dimanipulasi oleh remaja untuk mengunjungi kafe siber.

Kini didapati remaja selalu ponteng sekolah dan kelas tuisyen kerana ingin berkunjung ke kafe siber untuk membolehkan mereka melayari Internet. Hal ini terjadi disebabkan di kebanyakan kawasan berhampiran dengan kawasan perumahan terdapat kafe siber yang menyediakan kemudahan Internet dengan bayaran yang murah. Menurut rekod Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, pelbagai jenayah siber dilakukan dalam kalangan remaja menunjukkan peningkatan iaitu mencatatkan kerugian berjumlah lebih daripada RM 63 juta pada tahun 2010. Bagi tempoh lima tahun akan datang kerajaan akan menanggung kerugian RM2.73 juta sekiranya jenayah siber tidak ditangani dengan baik sejajar dengan peningkatan bilangan individu celik teknologi maklumat yang dianggarkan mencecah 16 juta orang. Sebarang penulisan tanpa berhati-hati oleh golongan muda dalam blog juga boleh menjurus kepada provokasi dan fitnah. Sehubungan dengan itu, tindakan ini dianggap satu kesalahan yang boleh disabitkan dengan jenayah siber.

Dalam perkembangan dunia ICT, tidak salah mereka mempunyai perasaan ingin tahu dan sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di seluruh dunia tetapi menjadi kesalahan sekiranya kebebasan ini disalahgunakan oleh mereka dengan melayari laman sesawang yang memaparkan kandungan yang bertentangan dengan amalan budaya dan agama. Secara purata kanak-kanak dan remaja Malaysia yang berumur 8 hingga 18 tahun menghabiskan masa selama 19 jam setiap minggu untuk melayari Internet. Sebanyak 23 peratus masa dihabiskan atas talian untuk media sosial dan blog oleh golongan muda. Generasi muda dikatakan akan menghadapi krisis kecelaruan identiti dan jati diri kerana pengaruh budaya popular melalui filem, muzik dan lagu yang mempengaruhi pemikiran mereka.

Pengaruh Internet banyak meruntun remaja dengan gaya hidup asing serta menghakis kesantunan dalam pertuturan lisan dan perlakuan. Hal ini demikian kerana mereka banyak didedahkan dengan bahasa singkatan atau bahasa rekaan sendiri serta pengaruh dari luar negara yang *menggugat budaya*. Selain itu, pengaruh alam maya ini juga mendorong golongan muda ke arah pemikiran liberal dan mereka sukar merealisasikan hala tuju negara secara menyeluruh. Oleh hal yang demikian sebelum nasi menjadi bubur, sebarang tindakan pencegahan dan kawalan perlu dilaksanakan untuk menangani masalah ini.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Atasi Kesan Internet' oleh Ami Masra, *Dewan Siswa*, Jun 2013.

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud *menggugat budaya*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan tersebut, apakah faktor-faktor yang menggalakkan remaja mengunjungi kafe siber? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menangani jenayah siber melalui Internet? [4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan pemupukan semangat patriotisme dan langkah-langkah memupuk semangat patriotisme di negara ini**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Setiap kali menjelang Ogos, rakyat Malaysia diperingatkan supaya sentiasa memperbaharui semangat patriotisme iaitu semangat cinta akan negara. Melalui semangat cinta akan negara dapat membentuk ke arah membina negara bangsa yang bersatu padu. Patriotisme seharusnya menjadi subjek dan tema penting yang mencorakkan hala tuju perubahan Malaysia selepas negara ini mencapai kemerdekaan hampir 55 tahun yang lalu. Dalam mencapai matlamat dan wawasan membina Malaysia sebagai sebuah negara maju, semangat patriotisme mampu menjadi benteng untuk memastikan kemerdekaan negara akan terus dapat didaulatkan. Pada masa yang sama, Malaysia menghadapi pelbagai cabaran semasa yang kritikal seperti globalisasi, liberalisasi, neokolonialisme, feodalisme baharu dan sebagainya. Justeru, patriotisme boleh meningkatkan keyakinan kita bahawa negara ini lebih hebat daripada negara lain. Selain itu, kita juga harus bertanya kepada diri apakah sumbangan kita kepada negara yang kita cintai?

Patriotisme adalah perjuangan yang menjiwai kepada kepentingan bangsa dan negara. Pemupukan semangat seperti ini mampu mengekalkan semangat juang yang tinggi, mendaulatkan kedudukan status serta pengaruh bangsa dan negara. Patriotisme juga memerlukan komitmen pemimpin dan semua golongan rakyat dengan mempertahankan asas pembinaan dan kedaulatan negara. Oleh itu, hal ini boleh meningkatkan semangat rakyat untuk mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar. Di samping itu, warganegara yang menyanjung tinggi unsur patriotisme akan menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara melalui sumbangan dan pengorbanan yang tiada batasannya.

Nilai patriotisme yang patut diterapkan dalam hati dan jiwa generasi muda seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban serta kesukarelaan perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan rakyat yang patriotik dan bertanggungjawab pada bangsa dan negara. Melalui nilai ini akan melahirkan rakyat yang saling membantu dan bekerjasama membangunkan negara tanpa mengira perbezaan agama, bangsa mahupun fahaman politik. Semangat patriotisme juga perlu dibangunkan melalui dasar pembangunan manusia iaitu membabitkan ekonomi, politik, sukan, pendidikan, hubungan diplomatik dan penglibatan Malaysia dalam konteks globalisasi. Dengan itu akan *menonjolkan imej* Malaysia sebagai bangsa dan negara yang berwibawa di arena antarabangsa.

Sempena menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-55 dan Hari Malaysia, rasa cinta akan negara seharusnya dimantapkan lagi dalam hati setiap rakyat negara ini. Hal ini mencerminkan jiwa patriotik dan perasaan seseorang itu. Golongan muda seharusnya mengambil contoh dan teladan pejuang kemerdekaan negara dahulu. Selain Bapa Kemerdekaan Negara, Tunku Abdul Rahman Putra yang gigih serta mempunyai semangat cinta akan negara terdapat juga tokoh-tokoh lain yang turut berjuang ke arah kemerdekaan. Di samping itu, usaha untuk mengekalkan semangat juang yang tinggi hendaklah dimulakan di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Janganlah harapan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 akan hancur berkecai disebabkan oleh lunturnya semangat juang anak bangsa yang berfikiran mirip ke arah keseronokan dan kebendaan semata-mata.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Membina Bangsa Dengan Semangat Patriotisme' oleh Dr. Aminudin Mansor *Utusan Malaysia*, Ogos 2012.

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkaian kata *menonjolkan imej*? [2 markah]
- (ii) Pengarang menggariskan beberapa usaha untuk meningkatkan semangat cinta akan negara. Nyatakan **dua** usaha tersebut. [3 markah]
- (iii) Berikan **tiga** sebab semangat cinta akan negara semakin luntur dalam kalangan generasi muda pada masa ini. [4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah bersenam kepada orang ramai dan masalah-masalah untuk melakukan senaman. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebolehan melakukan tugas harian menyebabkan ramai orang menyangka bahawa mereka cergas, sedangkan hakikat sebenar adalah sebaliknya. Sesetengah orang menyatakan bahawa mereka jarang sakit dan tidak kerap mendapatkan rawatan perubatan tetapi hal ini tidak bermakna keadaan fizikal mereka itu baik. Dari segi kesihatan, *strategi yang berkesan* untuk seseorang berada kekal dalam keadaan cergas dan sihat adalah dengan bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Walaupun fakta ini diketahui umum namun aktiviti yang baik untuk kesihatan ini masih berada di tempat terbawah dalam senarai keutamaan yang perlu dilakukan pada setiap minggu.

“Tubuh yang sihat membawa kepada akal yang sihat.” Bagaimanakah senaman menyumbang kepada akal yang sihat? Senaman dalam jangka panjang memberi kebaikan kepada otak dengan melancarkan perjalanan darah ke otak. Peningkatan tekanan darah akan menyampaikan darah kepada bahagian otak yang kurang mendapat darah, seterusnya meningkatkan keperluan oksigen kepada otak. Hal ini menyebabkan kita akan menjadi lebih segar dan tidak mengantuk. Kita boleh melakukan pelbagai kerja jika tidak mengantuk.

Dari segi teori perubatan apabila seseorang bersenam, hormon adrenaline akan dibebaskan menyebabkan salur darah mengecil. Hal ini akan menyebabkan tekanan darah meningkat dan darah sampai kepada organ dalam masa yang singkat. Sebagai kesannya, salur darah di otot pula dilebarkan untuk memenuhi keperluan oksigen kepada bahagian otot berkenaan. Terdapat banyak lagi faedah yang berlaku dalam perubahan fisiologi apabila seseorang bersenam. Senaman menjadikan jantung akan lebih kuat kerana darah perlu dipam cepat untuk memenuhi badan yang bermetabolisme tinggi. Hasilnya dapat menjadikan seseorang sentiasa gembira dan dalam keadaan tenang.

Apabila melakukan aktiviti jasmani, pelbagai bahan kimia di dalam otak dapat memperhebat ‘hippocampus’. ‘Hippocampus’ merupakan suatu bahagian daripada otak yang amat penting untuk memori. Kajian mendapati, senaman seperti aerobik mampu meningkatkan proses pembelajaran walaupun kepada golongan dewasa. Anda juga akan kelihatan hebat dan berkeyakinan setelah melakukan senaman kerana wujudnya kepercayaan dalam diri. Selain itu, senaman mampu menangani masalah kemurungan kepada golongan yang mengalami tekanan di rumah ataupun di tempat kerja. Banyak kes dilaporkan bahawa kemurungan ini boleh membawa kesan yang negatif.

Bersenam secara konsisten dan mengamalkan diet seimbang membantu mengawal berat badan yang berlebihan. Obesiti meningkatkan risiko mendapat pelbagai penyakit seperti diabetes, penyakit jantung dan batu karang. Satu fakta menarik faedah bersenam ialah jangka hayat lebih panjang dalam kalangan orang yang dikategorikan mempunyai kecergasan sederhana berbanding mereka yang tidak cergas. Hal ini terbukti melalui satu kajian yang mendapati kadar kematian kumpulan orang yang tidak cergas adalah sekali ganda lebih tinggi berbanding mereka dalam kumpulan sederhana cergas. Tuntasnya, jadikanlah bersenam sebagai satu budaya hidup kita supaya kita kekal sihat sepanjang masa.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada, ‘Faedah-faedah Senaman’, oleh Ziauddin Sharuddin, dalam *Berita Minggu*, 12 Mac 2010)

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *strategi yang berkesan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri yang menunjukkan seseorang itu mempunyai fizikal yang cergas? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menggalakkan seseorang bersenam? [4 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan remaja untuk merealisasikan '1Malaysia' dan kekangan yang dihadapi. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Gagasan '1Malaysia' bertujuan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Identiti setiap kaum yang berbeza itu dianggap sebagai aset dan asas utama konsep ini ialah keadilan untuk semua kaum. Sekolah dan universiti yang rata-rata terdiri daripada golongan remaja dan belia sebenarnya cerminan kepada '1Malaysia'. Sehubungan dengan itu, semua remaja dan belia perlu mempunyai misi dan visi yang sarna dengan kepemimpinan negara.

Perbezaan budaya dan agama bukan penghalang kepada perpaduan, sebaliknya perbezaan itu dilihat sebagai suatu keistimewaan dalam masyarakat majmuk di negara kita. Remaja kita, khususnya perlu menghayati falsafah muhibah dan kerukunan serta keharmonian antara kaum selama ini. Keadaan ini perlu dilestarikan demi keharmonian dan keamanan negara. Perpaduan antara kaum perlu disepadukan dengan mengetepikan masalah peribadi dalam kalangan rakyat. Perpaduan kaum juga mungkin tidak akan tercapai jika kita tidak mempunyai warganegara yang berkualiti dan aktif dalam menunaikan tanggungjawab mereka.

Sejajar dengan itu, remaja juga mestilah mempunyai kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah, sesuai dengan peranan mereka sebagai bakal pemimpin dan penentu masa depan negara. Remaja yang cemerlang dalam mengejar ilmu pengetahuan mempunyai sifat dan ciri yang dapat menjadikan mereka berminda kelas pertama. Orang muda perlu berjuang demi masa depan dengan ciri kewarganegaraan satu bangsa, satu bahasa, dan satu negara. Bagi memastikan aset terpenting negara ini terus bersinar, remaja perlu menumpukan usaha ke arah menggilap potensi dan menyerlahkan bakat yang ada. Hal ini penting kerana mereka yang berbakat dan mempunyai nilai serta kualiti yang tinggi dapat menyumbang ke arah merealisasikan hasrat murni ini.

Sebagai generasi pelapis negara ini, remaja tiada pilihan lain kecuali meletakkan prestasi akademik sebagai keutamaan. Mereka perlu berusaha dan beriltizam pada setiap masa serta bersaing secara sihat dalam mengejar ilmu. Pelibatan lebih aktif dalam bidang sukan juga membantu menjayakan gagasan '1Malaysia'. Sukan merentasi semua sempadan dan setiap kejayaan merupakan hasil komitmen sebagai sebuah pasukan atau institusi yang diwakili. Sukan juga menjadi landasan untuk meningkatkan kerjasama bagi mencapai kejayaan secara berpasukan.

Golongan remaja perlu menyertai pelbagai bentuk program dan aktiviti yang merangkumi aspek politik, ekonomi, budaya dan sosial. Program pembangunan belia juga tidak boleh lagi dilaksanakan melalui persatuan berbentuk perkauman. Sasaran program juga tidak semestinya terbatas kepada keahlian dalam persatuan sahaja. Maka, program yang melibatkan semua kaum perlu dipertingkatkan agar remaja dapat berinteraksi dan bermesra. Mereka juga dapat mengenali budaya kaum lain. Keadaan ini akan meningkatkan persefahaman antara remaja yang berlainan kaum. Oleh itu, remaja perlu mengambil inisiatif untuk mengenali nilai, norma dan budaya kaum lain.

Jelaslah, remaja berperanan penting dalam *menjanakan agenda* membina negara bangsa. Untuk memajukan negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu dan keadaan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum.

(Dipetik dan diubah suai daripada '*Merealisasikan 'Satu Malaysia'*' oleh Ismail Sualman, *Dewan Siswa*, Ogos 2009)

Soalan 2(a) - Petikan Umum

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menjanakan agenda*? [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah penyertaan dalam pelbagai bentuk program dapat merealisasikan gagasan 1Malaysia? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah dalam memahamkan pelajar tentang gagasan '1Malaysia'? [4 markah]